



Konsep, segmentasi dan potensi penyelidikan dalam pelancongan memancing di Malaysia

Mohd Zulhalmi Ibrahim¹, Gusni Saat¹, Chan Ngai Weng², Jabil Mapjabil¹, Rosazman Hussin¹,
Mohamad Pirdaus Yusoh¹

¹Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, ²Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Correspondence: Mohd Zulhalmi Ibrahim (email: ma1411041t@student.ums.edu.my)

Abstrak

Pelancongan memancing merupakan salah satu pelancongan alternatif yang popular di Barat tetapi masih baru dalam konteks pembangunan dan penyelidikannya di Malaysia. Kertas kerja ini meneliti tentang aspek konsep, segmentasi dan potensi penyelidikan pelancongan memancing di negara ini. Dari segi konseptual, perkaitan antara aktiviti memancing, rekreasi dan pelancongan akan diteliti, di samping penjelasan tentang konsep dan kategori pelancong memancing. Aspek segmentasi pula menjelaskan tiga segmen, iaitu pengusaha bot pelancongan memancing, profil pelancongan memancing dan lokasi memancing. Seterusnya, perkaitan antara model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter dan Stronza (2014) dan pelancongan memancing turut diuraikan. Bahagian akhir kertas kerja ini mengemukakan isu dan potensi penyelidikan pelancongan memancing di Malaysia.

Katakunci: konsep pelancongan memancing, pelancong memancing, pelancongan memancing, penyelidikan pelancongan memancing, potensi pelancongan memancing, segmentasi memancing,

Concept, segmentation and research potential of fishing tourism in Malaysia

Abstract

Fishing tourism which is one of the most popular forms of alternative tourism in Western countries is still new in Malaysia. This paper examines the concept and segmentation aspects as well as the potential of research on fishing tourism in this country. From a conceptual point of view, the relationship between fishing, recreation and tourism is explored, in addition to explaining the concepts and categories of fishing tourists. Segmentation wise, three segments, namely, boat operators of fishing tourism, profile of fishing tourists and fishing locations are discussed. Furthermore, the relationship between the model of tourism development level and stage as proposed by Carter and Stronza (2014) and fishing tourism are also described. The final part of this paper presents the issues and research potential of fishing tourism in Malaysia.

Keywords: concepts of fishing tourism, fishing segmentation, fishing tourism, fishing tourists, fishing tourism potential, fishing tourism research

Pengenalan

Aktiviti memancing adalah salah satu aktiviti rekreasi untuk mengisi masa lapang yang popular di Barat (Mordue, 2009). Terdapat lebih 2 juta orang pemancing rekreasi di Eropah. Jika disorot perkembangan pelancongan memancing di dunia secara historikal dalam konteks literatur, kepentingan memancing sebagai aktiviti pelancongan telah dikaji pada awalnya di Amerika Syarikat (Ditton et al., 2002) kerana negara ini memiliki pengkalan data yang banyak dan bersifat jangka panjang yang berkaitan dengan maklumat perilaku dan profil pemancing. Dua negara lain yang turut menjadi pelopor dokumentasi dalam pelancongan memancing ialah Kanada (Berry, 1997) dan Australia (Ormsby & Innes, 1999). Di Norway, kajian pertama yang khusus secara langsung tentang pelancongan memancing di laut diterbitkan pada tahun 2001 oleh Hallenstvedt dan Wulff (Ferber, 2011).

Kajian dimensi manusia dalam aktiviti pelancongan memancing diketahui bermula di Republik Czech (Pivnicka & Cihar, 1986). Namun begitu, masih belum ada sebarang informasi yang mencukupi tentang kajian pemancing sebagai pelancong di Republik Czech (Spurny et al., 2003). Ini disebabkan daya tarikan aktiviti memancing telah pun dikira sebagai sebahagian daripada pembangunan pelancongan yang berpotensi dalam strategi mempromosikan pelancongan di negara berkenaan. Di Finland, terdapat beberapa laporan diterbitkan tentang aspek perbelanjaan pemancing tetapi kajian ini dijalankan tanpa kerangka metodologi dan teoritikal yang lebih kukuh sifatnya (Seppanen & Salmi, 2010). Sehubungan itu, masih kurang kajian dilakukan dalam konteks dimensi manusia dalam aktiviti memancing rekreasi (Arlinghaus, 2006) meskipun aktiviti memancing adalah salah satu aktiviti rekreasi berasaskan air yang paling signifikan (Upneja et al., 2001; Arlinghaus et al., 2002).

Dalam konteks kajian di peringkat antarabangsa, tumpuan lebih terhadap isu yang pelbagai dalam aktiviti memancing rekreasi (*recreational fishing*) berbanding pelancongan memancing (*fishing tourism*). Sebagai contoh, impak ekonomi daripada pemancing rekreasi di Scotland (Butler et al., 2009), manfaat ekonomi daripada aktiviti memancing rekreasi sebagai tarikan pelancongan di peringkat negeri di Amerika Syarikat (Ditton et al., 2002), manfaat ekonomi daripada sukan memancing di Pennsylvania, Amerika Syarikat (Upneja et al., 2001) dan penilaian impak ekonomi skala wilayah kesan daripada aktiviti memancing rekreasi di Maine, Amerika Syarikat (Steinback, 1999).


Konsep aktiviti memancing, masa lapang, rekreasi dan pelancongan

Menurut Burch (1969), rekreasi adalah sebarang aktiviti yang dilakukan oleh seseorang untuk tujuan keseronokan dan bersantai. Secara umumnya, aktiviti ini dilakukan oleh individu ataupun sekumpulan orang yang memanfaatkan masa lapang mereka untuk kepuasan minda dan fizikal. Salah satu daripada aktiviti rekreasi pada masa lapang adalah aktiviti menangkap ikan untuk keseronokan (Pitcher & Hollingworth, 2002). Konsep pelancongan yang menjelaskan keinginan seseorang untuk melakukan perjalanan dengan meninggalkan tempat kediaman lebih daripada 24 jam untuk tujuan tertentu dikenali sebagai motivasi pelancongan. Menurut Gunn dan Var (2002) melalui model "*The tourism functioning system*", seseorang individu yang ingin melakukan perjalanan perlu memenuhi keperluan asas iaitu komponen permintaan yang melibatkan elemen motivasi, keupayaan kewangan, mampu meluangkan masa dan keupayaan fizikal.

Daripada segi idea asas dalam pelancongan memancing, terdapat beberapa konsep yang saling berkaitan antara satu dengan lain yang diguna oleh para penyelidik dan sarjana. Antaranya *recreational fishing* (Alban & Boncoeur, 1999; MoralesNin et al., 2015; Gupta et al., 2015), *angling tourism* (Zwirn et al., 2005; Navratil et al., 2009; Ferter, 2011), *fishing tourism* (Kauppilla & Karjalainen, 2012) dan *sport fishing* (Pivnicka & Cihar, 1986; Berry, 1997; Smutny & Pivnicka, 2001; Wood et al., 2013). Selain itu, terdapat konsep yang merujuk khusus kepada lokasi dan tujuan utama aktiviti memancing dilakukan seperti *marine fishing tourism* (Orams, 1999; Zhuo, 2012), *fishing fun tourism* (Zhuo, 2012), *deep sea*

fishing tourism (Norse et al., 2012) serta kategori pemancing iaitu *resident anglers*, *tourist anglers* dan *nautical tourists* (MoralesNin et al., 2015).

Kauppila dan Karjalainen (2012) telah mengemukakan satu model hubungan antara memancing, masa lapang, rekreasi dan pelancongan yang diubah suai daripada model asal oleh Hall dan Page (2006). Model ini bermula dengan konsep 'masa yang terluang' yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu masa kerja dan masa lapang. Klasifikasi ini bergantung kepada perspektif perkara yang dirujuk iaitu sama ada memancing adalah sebagai aktiviti kerja (*commercial fishing*) atau aktiviti masa lapang, contohnya *subsistence fishing*, *local recreational fishing* serta *fishing tourism* atau *tourism fishing* (*tourism angler*).



Sumber: Kauppila & Karjalainen (2012)


Rajah 1. Model saling hubungan memancing, masa lapang, rekreasi dan pelancongan

Konsep pelancong memancing

Konsep pelancong memancing dikemukakan oleh Kauppila dan Karjalainen (2012). Saling hubungan antara pelancongan dan aktiviti memancing boleh dibahagikan kepada dua iaitu *fishing tourism* dan *tourism fishing* (*tourism angler*). Dalam hal ini, aktiviti memancing dilakukan semasa masa lapang dan melibatkan elemen rekreasi. Perbezaan yang paling besar antara *fishing tourism* dan *tourism fishing* adalah tujuan memancing sama ada ia menjadi motif utama percutian atau sebaliknya (Hanninen & Tonder, 2001). Rajah 2 menunjukkan tiga kategori pelancong memancing, iaitu *fishing tourist* (*motivated*), *tourism angler* (*inspired*) dan *tourism angler* (*attracted*).

a) *Fishing tourist* (*motivated*)

Sekiranya motif utama dalam proses pemilihan destinasi percutian ialah aktiviti memancing maka kategori pelancong ini dikenali sebagai *fishing motivated tourist*. Sebagai contoh, sekumpulan kaki pancing dari Miri, Sarawak yang datang bercuti ke Kota Kinabalu untuk tempoh seminggu dengan tujuan utama semata-mata untuk aktiviti memancing. Kategori pelancong ini turut melibatkan sebagai contoh, peserta pertandingan memancing dari Kota Bahru, Kelantan yang menyertai pertandingan memancing laut dalam peringkat antarabangsa selama empat hari lima malam di Kota Kinabalu, Sabah.



Sumber: Kauppila & Karjalainen (2012)

Rajah 2. Konsep pelancong memancing

b) Tourism angler (inspired)

Kategori pelancong ini menjadikan aktiviti memancing sebagai salah satu daripada beberapa motif lain yang telah ditetapkan semasa membuat keputusan dalam menentukan destinasi percutian. Kumpulan pelancong ini dianggap sebagai *fishing inspired tourist*. Sekiranya aktiviti memancing hanya menjadi faktor sekunder dalam proses pemilihan destinasi, maka pelancong memancing ini dikenali sebagai *tourism angler*. *Tourism angler (inspired)* menjadikan aktiviti memancing sebagai salah satu aktiviti dalam percutian selain daripada pelbagai aktiviti seperti selam skuba, snorkeling, melawat perkampungan nelayan dan bersantai di tepi pantai. Sebagai contoh, sekumpulan pelancong dari Miri, Sarawak yang datang ke Kota Kinabalu untuk bercuti dalam tempoh seminggu. Di samping ingin mengunjungi pulau di Taman Laut Tunku Abdul Rahman dan menikmati suasana nyaman di kaki Gunung Kinabalu di Kundasang, mereka juga bercadang untuk memancing jika ada lokasi memancing yang menarik.

c) Tourism angler (attracted)

Untuk kategori pelancong ini, aktiviti memancing tidak mempengaruhi keputusan dalam proses memilih destinasi percutian tetapi ia boleh menjadi salah satu daripada aktiviti semasa dalam percutian. Mereka turut dikenali sebagai *tourism angler* kerana aktiviti memancing termasuk dalam faktor sekunder semasa melancong. Dalam banyak kes, pelancong akan membuat keputusan untuk sama ada memancing atau sebaliknya ataupun ke mana hendak pergi memancing apabila sampai di satu-satu destinasi yang telah dipilih. Dengan kata lain, memancing tidak memberi makna yang signifikan dalam proses pemilihan destinasi.

Menurut MoralesNin et al. (2015), pelancong mungkin akan pergi memancing semasa percutian mereka dalam konteks kajian kes di Majorca, namun masih tidak terdapat data aktiviti mereka yang

relevan memandangkan bilangan pelancong yang berkunjung adalah tinggi. Justeru, penilaian terhadap motif dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pemancing daripada kalangan pelancong perlu dibezakan antara pelancong nautikal (*nautical tourist*) dan pelancong biasa (*common tourist*).


Selain tiga kategori pelancong memancing ini, terdapat dua konsep lain yang popular dalam pelancongan memancing iaitu *Marine Fishing Tourism* (MFT) dan *Fishing Fun Tourism* (FFT). *Marine fishing tourism* adalah salah satu daripada tarikan pelancongan marin (*marine tourism*) atau memancing untuk rekreasi (*recreational fishing*). Konsep *marine tourism* meliputi pelbagai aktiviti seperti menyaksikan hidupan marin (ikan paus, ikan lumba-lumba dan burung laut), selam skuba, memancing, pelayaran, aktiviti pantai serta rekreasi laut seperti snorkeling, *surfing*, bermain jet ski dan *banana boat*.

Fishing fun tourism termasuk dalam salah satu *marine fishing tourism*, bezanya MFT hanya melibatkan kawasan marin sahaja sedangkan FFT turut melibatkan aktiviti memancing rekreasi di tasik, kolam semula jadi dan buatan, sungai, bekas lombong dan seumpamanya. FFT turut melibatkan aktiviti memancing dan melepaskan semula ikan ke laut, tasik atau sungai sebagai contohnya atau dikenali sebagai konsep *catch and release fishing*. FFT bertujuan untuk mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti rekreasi memancing untuk keseronokan.

Pelancongan memancing dan kaitannya dengan model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan

Carter dan Stronza (2014) mengemukakan teori mengenai peringkat dan tahap pembangunan pelancongan (Rajah 2) yang diubah suai daripada teori Butler (1980). Berdasarkan model ini, modifikasi dilakukan dengan menambah dua tahap awal berbanding lima tahap yang dikemukakan oleh Butler. Menurut Butler (1980), kitaran hayat destinasi pelancongan di kebanyakan wilayah, negeri mahupun negara melalui fasa penerokaan, penglibatan, pembangunan, pengukuhan dan tahap tepu. Namun begitu, Carter dan Stronza berpendapat ada dua tahap sebelum penerokaan iaitu *absence of tourism* dan ketibaan pelancong yang terawal (*arrival of early tourist*). Sumbangan kedua model ini ialah wujud garisan pemisah antara tahap pembangunan pelancongan bagi negara maju dan negara sedang membangun termasuk negara mundur. Di kebanyakan negara maju, tahap pembangunan pelancongan bermula selepas fasa penglibatan. Manakala bagi negara sedang membangun dan mundur, fasa bermula sejak peringkat *absence of tourism* lagi.

Dalam konteks pelancongan memancing, pelancongan alternatif ini sudah lama berkembang dan popular di negara Barat sama ada dari aspek pembangunan mahupun penyelidikan. Namun, berdasarkan sorotan literatur oleh penyelidik, pelancongan memancing masih baru dan berada pada tahap awalan lagi di Malaysia. Justeru, model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter dan Stronza (2014) ini adalah relevan dan signifikan sebagai asas teori untuk penyelidikan yang berkaitan dengan pelancongan memancing di negara ini.



Sumber: Carter dan Stronza (2014)

Rajah 3. Peringkat dan tahap pembangunan pelancongan

Segmentasi dan profil dalam pelancongan memancing

a) Pengusaha bot pelancongan memancing

Segmentasi dalam pelancongan memancing ini menekankan perspektif pengusaha bot sewa yang menawarkan perkhidmatan kepada pelancong memancing khususnya di laut, tasik dan sungai. Terdapat tiga elemen yang diteliti iaitu geografi, demografi dan perilaku.

i. Geografi

Elemen geografi adalah penting dalam pelancongan memancing kerana ia melibatkan aspek ruang, lokasi, jarak dan masa. Sebagai contoh, aktiviti pelancong memancing di laut dari pengkalan di Kota Kinabalu. Terdapat beberapa pilihan ruang ke arah laut yang boleh dituju berdasarkan persetujuan pelancong dan pengusaha bot sewa, iaitu sama ada ke arah utara ke perairan di Pulau Mantanani, Pulau Layang-Layang dan Pulau Mengalum ataupun arah ruang ke selatan seperti perairan Pulau Tiga dan Pulau Labuan. Di setiap kawasan memancing ini, terdapat beberapa lokasi khusus untuk pelancong memancing. Kesemua lokasi memancing ini memiliki jarak yang berbeza-beza dari pengkalan di Kota Kinabalu. Sehubungan itu, aktiviti memancing ini lazimnya melebihi tempoh 24 jam untuk kategori pelancong berbanding dengan pemancing harian. Kebanyakan pengusaha bot pula menyediakan pakej memancing ke laut dalam dalam tempoh tiga hingga empat hari.

ii. Demografi

Untuk aspek demografi, kajian dan dokumentasi perlu disediakan untuk profil pengusaha bot sewaan untuk pelancongan memancing. Antara aspek demografi yang lazim ialah jantina, umur, bangsa dan latar belakang pendidikan. Selain itu, terdapat beberapa ciri dan rekod pelancongan memancing yang perlu diperolehi daripada pengusaha bot sewaan itu sendiri. Ini memandangkan dalam pelancongan

memancing, 'tempat menginap' selama berada di laut ialah bot. Ini adalah keunikan pelancongan memancing berbanding dengan pelancongan massa atau pelancongan alternatif lain yang umumnya menginap sama ada di hotel, resort, motel ataupun homestay. Antara ciri tambahan yang perlu diteliti ialah pemilikan bot, jenis bot, kemudahan yang disediakan dalam bot, jenis tempahan dan pakej ditawarkan, tempat berlabuh, kekerapan sewaan dan kaedah mempromosikan perkhidmatan bot sewaan yang disediakan.

iii. Perilaku

Secara umumnya, pengusaha bot sewaan untuk pelancongan memancing ini terdiri daripada beberapa kategori iaitu pengusaha bot yang bernaung di bawah satu-satu syarikat atau agensi, bot sewaan yang disediakan dalam pakej percutian oleh agensi pelancongan ataupun bersama pakej penginapan oleh hotel dan resort di samping pengusaha bot persendirian milik nelayan yang menawarkan perkhidmatan bot untuk pelancong memancing sebagai sumber pendapatan sampingan. Justeru, wujud beberapa perilaku yang berbeza dalam konteks penawaran perkhidmatan dari segi jenis bot, harga sewaan, tempoh sewaan, lokasi memancing serta pakej yang disediakan.

b) Profil pelancong memancing

i. Profil am

Untuk tujuan segmentasi pemasaran dalam pelancongan memancing di Malaysia, profil pelancong memancing perlu ada dalam rekod dan didokumentasikan. Profil am pelancong memancing adalah asas rekod yang penting iaitu melibatkan ciri jantina, umur, latar belakang pendidikan dan pekerjaan, kategori pelancong sama ada *fishing tourist (motivated)*, *tourism angler (inspired)* atau *tourism angler (attracted)*, sumber maklumat tentang pengusaha bot dan pakej yang ditempah, kumpulan pelancong (bersendirian, berkumpul, bersama keluarga, rakan persatuan memancing dan seumpamanya), bilangan hari memancing dan motif utama memancing. Menurut Navratil et al. (2009), terdapat beberapa faktor yang mendorong seseorang untuk aktiviti memancing, iaitu (i) pengalaman profesional *introvert*; (ii) menangkap ikan; (iii) santai untuk menikmati keindahan alam; (iv) berehat; (v) berkumpul bersama komuniti pemancing; (vi) menikmati masa bersendirian dan (vii) perhatian umum.

ii. Profil khas

Profil khas pelancong memancing pula ada kaitan khusus dengan elemen memancing itu sendiri seperti jenis ikan yang dipancing, jumlah tangkapan yang diperolehi, bilangan pemancing yang terlibat, jenis peralatan memancing yang digunakan, kos perbelanjaan dan penjagaan aksesori dan alatan memancing, jumlah keseluruhan kos yang dibelanjakan terhadap aktiviti memancing untuk satu kali trip serta kekerapan trip memancing dalam setahun.

c) Lokasi memancing

i. Pinggir pantai

Lokasi memancing di pinggir pantai menjadi tumpuan pelancong memancing, pemancing pelawat harian dan pemancing penduduk tempatan termasuk peserta pertandingan memancing di pinggir pantai. Ia adalah lokasi yang paling senang dikunjungi kerana seseorang boleh menggunakan kenderaan sendiri untuk sampai ke lokasi berkenaan. Seseorang itu dianggap sebagai pelancong memancing sekiranya bukan penduduk tempatan, sebaliknya pelancong domestik ataupun antarabangsa yang dalam tempoh percutian mereka turut melibatkan aktiviti memancing. Pemancing pelawat harian pula ialah pemancing

dari luar kawasan tetapi balik hari ke rumah tanpa menginap di lokasi memancing manakala memancing penduduk tempatan adalah penduduk di sekitar lokasi memancing tersebut.

ii. Laut dan laut dalam

Lokasi memancing di laut dan laut dalam adalah bergantung dengan jarak lokasi memancing dari daratan. Terdapat tiga jenis trip memancing yang berkait rapat dengan jarak memancing dari darat ke laut, iaitu seperti berikut (Ismail, 2007);

(a) Trip balik hari (*Day trips*)

- Trip ini biasanya menggunakan kemudahan bot laju untuk sampai ke kawasan memancing. Aktiviti memancing dijalankan dalam masa sehari.
- Aktiviti memancing dilakukan dalam lingkungan 30 batu nautika dari kawasan pantai. Perjalanan biasanya bermula pada sebelah pagi dan pemancing akan balik pada sebelah petang.

(b) Trip bermalam (*Overnight trips*)

- Pemancing akan menuju ke destinasi memancing dalam lingkungan 50 batu nautika dengan menggunakan bot laju yang dilengkapi dengan kemudahan asas untuk bermalam seperti tandas dan tempat memasak.
- Jangka masa aktiviti memancing biasanya antara 2 hingga 3 hari.
- Jumlah minima pemancing dalam sebuah bot ialah 4 orang.

(c) Trip *live-on-boat*

- Trip ini menggunakan bot yang bersaiz besar.
- Jumlah minima pemancing ialah 10 orang.
- Menjalankan aktiviti memancing dalam lingkungan 100 batu nautika.
- Pemancing akan tinggal dalam bot dan menjalankan aktiviti memancing antara 5 hingga 10 hari.
- Bot ini dilengkapi dengan kemudahan memasak, tandas, peti simpanan ikan dan mempunyai kelengkapan hiburan.

iii. Tasik

Terdapat beberapa tasik semula jadi dan buatan yang berpotensi sebagai destinasi pelancongan memancing di Malaysia (Jadual 1), antaranya Tasik Kenyir, Tasik Banding, Tasik Bukit Merah dan Tasik Bera.

Jadual 1. Tasik semula jadi dan buatan di Malaysia

Nama Tasik	Negeri
Tasik Kenyir	Terengganu
Tasik Banding	Perak
Tasik Temengor	Perak
Tasik Bukit Merah	Perak
Tasik Pedu	Kedah
Tasik Beris	Kedah
Tasik Timah Tasoh	Perlis
Tasik Bera	Pahang
Tasik Chini	Pahang
Tasik Putrajaya	WP Putrajaya
Tasik Sungai Terip	Negeri Sembilan

Tasik Kenyir bukan sahaja popular sebagai lokasi untuk pertandingan memancing, malah turut dikenali dengan tarikan perkhidmatan rumah bot. Jadual 2 menunjukkan contoh pakej yang ditawarkan oleh Permata Kenyir Houseboat:

Jadual 2. Pakej 2 Hari 1 Malam oleh Permata Kenyir Houseboat

Pakej yang disediakan
<ul style="list-style-type: none"> - Tawaran untuk 25 orang peserta - RM140.00 seorang - Termasuk pakej makanan <ul style="list-style-type: none"> • <i>Menu hari pertama:</i> <ul style="list-style-type: none"> - Makan tengah hari - Minum petang - Makan malam (termasuk BBQ) • <i>Menu hari kedua:</i> <ul style="list-style-type: none"> - Makan pagi - Makan tengah hari • <i>Aktiviti yang disediakan:</i> <ul style="list-style-type: none"> - Memancing (umpan disediakan, alat pancing sendiri) - Melawat taman rama-rama - Mandi air terjun

iv. Kolam semula jadi dan buatan

Di Malaysia, terdapat kolam semula jadi dan buatan manusia yang menjadi tumpuan pemancing sama ada kolam air tawar mahupun kolam air masin. Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan beberapa contoh lokasi kolam pancing di negara ini.

Jadual 3. Kolam pancing air tawar di Malaysia (Contoh terpilih sahaja)

Nama Kolam	Negeri
Kolam Pancing Hilltop	WP Kuala Lumpur
Kolam Pancing Seri Bayu Tekala	Selangor
Kolam Pancing Danau Biru	Selangor
Kolam Pancing Sri Patin	Negeri Sembilan
Kolam Pancing Safirus	Negeri Sembilan
Kolam Pancing Apek	Melaka
Kolam Pancing Sarip	Melaka
Kolam Pancing San Sue	Johor
Kolam Pancing Jentayu	Johor
Kolam Pancing Delta Bersatu	Pahang
Kolam Pancing Paya Teras	Pahang
Kolam Pancing Mahaderas	Kelantan
Kolam Pancing Sri Garden	Kelantan
Kolam Pancing Bukit Pekaka	Kedah
Kolam Pancing Chia Bee	Kedah
Kolam Pancing Machang Bubok	Pulau Pinang
Kolam Pancing Tambun	Pulau Pinang
Kolam Pancing Wak Nan	Perak
Kolam Pancing Sungai Piah	Perak
Kolam Pancing Kampung Labak	Sabah
Kolam Pancing SIBA	Sabah

Jadual 4. Kolam pancing air masin di Malaysia (Contoh terpilih sahaja)

Nama Kolam	Negeri
Kolam Pancing Sport Fishing Sentul	WP Kuala Lumpur
Kolam Pancing Sealion	Selangor
Kolam Pancing May Jing	Selangor
Kolam Pancing Crabhouse	Perlis
Kolam Pancing 3F Agro	Kedah
Kolam Pancing Melaka Bay	Melaka
Kolam Pancing Danga Bay	Johor
Kolam Pancing Teluk Jawa	Johor
Kolam Pancing Siakap Abang Sari	Terengganu
Kolam Pancing 8 Pari	Kelantan
Kolam Pancing Kampung Tiong	Kelantan

v. Sungai

Aktiviti memancing di sungai menjadi pilihan kebanyakan pemancing terutamanya pemancing sara diri, pemancing rekreasi dan pemancing penduduk tempatan. Untuk pelancong memancing (*fishing tourist*), tempoh masa memancing perlu melebihi 24 jam dan di luar kawasan kediaman asal yang biasanya melibatkan pakej memancing atau bersama kumpulan rakan pancing. Lokasi memancing di sungai mudah diakses kecuali trip yang perlu masuk ke pedalaman sungai barulah khidmat bot digunakan. Ini kerana sesetengah pemancing lebih gemar memancing dari tebing sungai terutamanya mereka yang memancing dengan membawa kenderaan dan keluarga. Antara sungai yang popular dalam kalangan pemancing di Malaysia termasuklah Sungai Satok, Sungai Lundu dan Sungai Igan di Sarawak, Sungai Galah, Perak, Sungai Alor Mengkudu, Kedah, Sungai Cacing, Terengganu dan Sungai Korok, Perlis. Manakala sungai yang menjadi tarikan pemancing udang galah ialah di Sungai Perak, Teluk Intan, Sungai Timun, Negeri Sembilan dan Sungai Linggi, Melaka. Jenis ikan yang menjadi tumpuan pemancing ialah ikan Belida, Lampam, Jelawat, Patin, Toman, Haruan, Kelah, Tapah dan Sebarau.

vi. Pertandingan memancing (Tempatan, Kebangsaan dan Antarabangsa)

Pertandingan memancing sama ada di peringkat tempatan, kebangsaan ataupun antarabangsa merupakan acara yang menjadi tarikan kepada kaki pancing termasuklah pemancing sara diri, pemancing rekreasi, pemancing penduduk tempatan dan pelancong memancing. Pertandingan memancing pada kebiasaannya menyediakan peraturan, alatan memancing yang dibenarkan, yuran penyertaan dan hadiah pertandingan. Jadual 5 menunjukkan beberapa contoh pertandingan memancing di negeri Sabah.

Jadual 5. Pertandingan memancing di Sabah (Contoh terpilih sahaja)

Pertandingan Memancing	Peringkat
Sabah International Fishing Tournament	Antarabangsa
Labuan International Fishing Tournament	Antarabangsa
Karnival Memancing Kolam Kisaging	Tempatan
Karnival Memancing Pantai Melingsung	Tempatan
Pertandingan Memancing Amal PEKEMA	Tempatan
Karnival Memancing Kolam SIBA	Tempatan

Isu dan potensi penyelidikan dalam pelancongan memancing di Malaysia

Pelancongan memancing masih baru di Malaysia dalam konteks pembangunan dan penyelidikan. Sehubungan itu, bukan sahaja tidak terdapat kajian yang khusus tentang konsep asas dalam pelancongan memancing, kerangka konseptual dan model yang mengaitkan saling hubungan aktiviti memancing dan industri pelancongan, malah bahan literatur dan kajian kes yang diterbitkan di negara ini masih kurang dan terhad. Setakat penelitian pengkaji, hanya terdapat tiga kajian dan penulisan secara ilmiah tentang pelancongan dan aktiviti memancing di Malaysia, iaitu:

- (i) Kajian peringkat sarjana di Universiti Teknologi Malaysia (tidak diterbitkan) yang ditulis oleh Ismail Mudin (2007) yang bertajuk “Potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin”.
- (ii) Artikel yang ditulis oleh Alias et al. (2014) dari Universiti Teknologi MARA bertajuk “*Sustainable approach of fishing tourism in Kenyir Lake*” yang diterbitkan dalam Proceedings of the International Hospitality and Tourism Postgraduate Conference dalam persidangan yang dianjurkan di Shah Alam, Selangor pada 2-3 September 2013.
- (iii) Artikel yang ditulis oleh Mohd Azim Mohd Khatib (Universiti Putra Malaysia) berdasarkan laporan projek tahun akhir beliau yang diterbitkan oleh International Journal of Humanities and Social Science (Vol. 5, No. 3, March 2015) yang bertajuk “*Sociological study of fishing themes commonly sought by recreational anglers*”.

Selaras dengan model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter dan Stronza (2014), suatu keperluan untuk mengemukakan kerangka konseptual dalam konteks jenis, klasifikasi dan tipologi dalam pelancongan memancing (*fishing tourism*) dan pelancong memancing (*fishing tourist*) di Malaysia memandangkan aktiviti memancing adalah salah satu tarikan pelancong untuk berkunjung ke sesebuah destinasi di negara ini. Malahan, terdapat banyak jenis dan kategori serta profil dan tipologi pelancong memancing yang masih belum didokumentasikan berdasarkan lokasi tempat memancing seperti memancing di pinggir pantai, laut dan laut dalam, kolam buatan, tasik dan sungai, selain daripada pelancong yang terlibat dalam pertandingan memancing di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa. Sehingga ketika ini, tidak ada pengkategorian dan tipologi khusus berkaitan dengan aktiviti pelancongan memancing seperti kategori dan jenis pelancong memancing, kepelbagaian lokasi memancing, jenis bot yang digunakan, kaedah tempahan bot, kos yang dibelanjakan oleh pelancong memancing serta aksesibiliti terhadap kemudahan pelancongan yang lazim seperti penginapan, makanan minuman, agensi perjalanan dan lain-lain.

Selain pelancongan memancing, ketiadaan data aktiviti memancing rekreasi di Malaysia turut menjadi isu dan sekali gus berpotensi tinggi sebagai isu penyelidikan pada masa hadapan di negara ini. Aktiviti memancing rekreasi bukan sahaja turut berkait dengan pelancong memancing, malah turut melibatkan pemancing sara diri dan pemancing penduduk tempatan. Menurut Arlinghaus et al. (2008), hanya terdapat beberapa buah negara yang memiliki data lengkap berkaitan dengan penduduk yang terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi. Rajah 4 menunjukkan pola taburan peratusan penduduk mengikut negara yang terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi di dunia. Kebanyakan negara yang memiliki data ini adalah di Eropah seperti Norway, Sweden, Jerman, Belanda, Denmark dan Perancis dan benua Amerika Utara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Alaska. Di Asia seperti Jepun dan China, manakala lain-lain negara seperti Australia dan Afrika Selatan. Malaysia adalah termasuk dalam kalangan negara yang tidak memiliki data peratusan jumlah penduduk yang terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi di dunia.



Sumber: Arlinghaus et al. (2009)

Rajah 4. Taburan peratusan jumlah penduduk yang terlibat dalam memancing rekreasi

Sehubungan itu, berdasarkan penelitian terhadap beberapa buah negara terpilih di dunia oleh Ditton (2009) menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan memancing berdasarkan kedudukan geografinya tetapi tidak memiliki rekod dalam bidang berkenaan. Antara data yang diperlukan termasuklah jumlah pemancing, kadar penglibatan, kekerapan memancing perhari dan pertahun serta jumlah perbelanjaan pertahun (Jadual 6).

Jadual 6. Statistik aktiviti memancing untuk negara terpilih di dunia

Nation	2006 Population	Number of anglers	Participation rate (%)	Fishing frequency (days/year)	Expenditures/year (non-durable goods)	Primary management responsibility	Licence for sampling purposes
Australia	20 million	3.4 million	20	6	€161	State level	Two states have licences
China	1300 million	90 million ^a	7 ^a			Private or collective owned	No licence Permits to fish in private waters
Finland	5.2 million	1.9 million	35-40	19	€176	Private landowner	Various licences
Germany	82 million ^b	3.3 million ^a	4.7	31	€379	Privately owned fishing rights holders	National and State licence. Permits to use private waters
Lithuania	3.6 million ^b	1.5 million ^a	55		€40.5	Board of Angling Development (government and non-government members)	No licence
Malaysia	24.4 million ^b	Undetermined	Undetermined			National level	No licence
Netherlands	16.5 million ^b	1.78 million	11			Water boards and fishing clubs	Sport fishing Netherlands licence
Sweden	9 million ^b	3 million	33	10	€111	Privately owned fishing rights holders	Various licences
USA	212.3 million	34.1 million	16	16	€326	State level	State licences

Sumber: Ditton (2009)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pelancongan memancing di Malaysia masih di peringkat 'penerokaan' jika dirujuk melalui model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter dan Stronza (2014). Justeru, penjelasan terhadap aspek konsep dalam pelancongan memancing dan kategori pelancong memancing dalam kertas kerja ini adalah relevan dan signifikan sebagai asas teori untuk rujukan penyelidikan pelancongan memancing di negara ini pada masa akan datang. Berdasarkan kajian lepas di Malaysia setakat ini dalam konteks isu pelancongan memancing (*fishing tourism*) dan memancing rekreasi (*recreational fishing*), ia hanya melibatkan tiga lokasi yang ketiga-tiganya adalah berbeza iaitu kajian Ismail Mudin (2007) melibatkan pelancongan memancing di laut dalam di Kuala Rompin, Pahang dan penyelidikan Alias et al. (2014) pula di tasik iaitu Tasik Kenyir, Terengganu manakala kajian Mohd Azim (2015) melibatkan isu pemancing rekreasi di Kolam Pancing Seri Bayu Tekala, Semenyih, Selangor. Justeru, potensi penyelidikan dalam pelancongan memancing termasuk memancing rekreasi masih terbuka luas untuk pelbagai lokasi seperti pinggir pantai, laut, tasik, kolam buatan serta pertandingan memancing di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1, 2015 yang bertajuk '*Pembentukan Kerangka Konseptual dan Model Pelancongan Memancing serta Saling Hubungannya dengan Industri Pelancongan*'.

Rujukan

- Arlinghaus R, Mehner T, Cowx IG (2002) Reconciling Traditional Inland Fisheries Management and Sustainability in Industrialized Countries with Emphasis on Europe. *Fish and Fisheries* 3(4), 261-316.
- Arlinghaus R, Mehner T (2004) A Management Orientated Comparative Analysis of Urban and Rural Anglers Living in A Metropolis (Berlin, Germany). *Environmental Management* 33(3), 331-344.
- Arlinghaus R (2006) Overcoming Human Obstacles to Conservation of Recreational Fishery Resources, with Emphasis on Central Europe. *Environmental Conservation* 33(1), 46-59.
- Arlinghaus R, Cowx IG (2008) Meaning and Relevance of the Ecosystem Approach to Recreational Fisheries Management. In Arlinghaus R, Ditton R, Policansky D, Schramm Jr. (eds) *Global Challenges in Recreational Fisheries*, pp.56-74. Blackwell, UK.
- Berry DK (1997) *Sport Fishing in Alberta*. Edmonton, Alberta Environment Natural Resources Service.
- Butler, JRA, Radford A, Riddington G, Laughton R (2009) Evaluating an Ecosystem Service Provided by Atlantic Salmon, Sea Trout and Other Fish Species in the River Spey, Scotland: The Economic Impact of Recreational Rod Fishers. *Fisheries Research* 96, 259-266.
- Burch H (1969) Who has the legal right to fish? Constitutional and Common Law in Alaska Fisheries Management. *Marine Advisory Bulletin* 49. University of Alaska Sea Grant College Program, Fairbanks.
- Carter AH, Stronza A (2014) Stage - Based Tourism Model and Resident and Attitudes Towards Tourism in an Emerging Destination in the Developing World. *Journal of Sustainable Tourism* 33(2), 279-298.
- Ditton R (2008) An International Perspectives on Recreational Fishing. *Global Challenges in Recreational Fisheries*, pp.5-25. Blackwell, UK.
- Ditton RB, Holland SM, Anderson DK (2002) Recreational Fishing as Tourism. *Fisheries Research* 27, 17-24.

- Ferter K (2011) *Marine Angling Tourism in Norway: The Interaction between Behavior, Management and Catch*. (Master Thesis). Department of Biology, University of Bergen, Norway. (unpublished).
- Gunn C, Var T (2002) *Tourism Planning: Basics, Concepts, Cases* (4th edition). Routledge, London.
- Gupta N, Raghavan R, Sivakumar K, Mathur V, Pinder AC (2015) Assessing Recreational Fisheries in an Emerging Economy: Knowledge, Perceptions and Attitudes of Catch and Release Anglers in India. *Fisheries Research* **165**, 79-84.
- Hannien J, Tonder M (2001) Development of Tourism Fishing in Lake Saiman Philajavesi. *Fish and Wildlife*, Report 240.
- Hall CM, Page SJ (2006) *The Geography of Tourism and Recreation - Environment, Place and Space* (3rd edition). Routledge, London & New York.
- Ismail Mudin (2007) *Potensi Aktiviti Memancing Laut Dalam sebagai Tarikan Pelancongan di Kuala Rompin*. (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. (tidak diterbitkan).
- Kaupilla P, Karjalainen TP (2012) A Process Model to Assess the Regional Economic Impact of Fishing Tourism: A Case Study in Northern Finland. *Fisheries Research* **127**, 88-97.
- Mohd Azim Mohd Khatib (2015) Sociological Study of Fishing Themes Commonly Sought by Recreational Anglers. *International Journal of Humanities and Social Science* **5**(3), 217-225.
- MoralesNin B, CardonaPons F, Maynou F, Grau AM (2015) How Relevant are Recreational Fisheries? Motivation and Activity of Resident and Tourist Anglers in Majorca. *Fisheries Research* **164**, 45-9.
- Mordue T (2009) Angling in Modernity: A Tour Through Society, Nature and Embodied Passion. *Current Issues Tourism* **12**, 529-552.
- Navratil J, Martinat S, Kallabova E (2009) Framework for Utilizing Angling as a Tourism Development Tool in Rural Areas. *Agricultural Economics Czech* **10**, 508-518.
- Ormsby J, Innes J (1999) A Preliminary Report on the Social and Motivational Aspects of Recreational Fishing in the Great Barrier Reef Region. *Reef Research* **9**(2), 23-25.
- Orams M (1999) *Marine Tourism: Development, Impact and Management*. Routledge, London.
- Pitcher TJ, Hollingworth C (2002) *Recreational Fisheries: Ecological Economic and Social Evaluation*. Blackwell Science, Oxford.
- Pivnicka K, Cihar M (1986) Analysis of Sport Fishing Use of Hostivar Dam in Prague. *Zivocisna Vyroba*, **31**(10), 953-959.
- Seppanen E, Salmi P (2010) *Recreational Fishing Research in Finland: A Review of the Literature*. Unpublished report.
- Spurny P, Mares J, Kopp R, Fiala J (2003) *Socioeconomic Study of Sport Fishing in the Czech Republic*. [Cited 4 August 2015]. Available from: <http://www.rybsvaz.cz>.
- Smutny P, Pivnicka K (2001) Analysis of Sport Fishing Yields from the Mze and Berounka Rivers in 1975 to 1998. *Czech Journal of Animal Science* **46**(3), 126-133.
- Upneja A, Elwood LS, Wonseak S, Yoon J (2001) Economic Benefits of Sport Fishing and Angler Wildlife Watching in Pennsylvania. *Journal of Travel Research* **40**, 68-78.
- Wood AL, Butler JRA, Sheaves M, Wani J (2013) Sport Fisheries: Opportunities and Challenges for Diversifying Coastal Livelihoods in the Pacific. *Marine Policy* **42**, 305-314.
- Zhou X (2012) *Approaches to Develop Marine Fishing Tourism in a Norway and Chinese Regions*. (Master Thesis). Department of Geography, University of Bergen, Norway. (unpublished).
- Zwirn M, Pinsky M, Rahr G (2005) Angling Ecotourism: Issues, Guidelines and Experience from Kamchatka. *Journal of Ecotourism* **4**(1), 16-31.